

29 JUL 2003

Sukan-Selat Inggeris (PM)/I

PERDANA MENTERI TIDAK KECEWA KELEWATAN USAHA RENANG RENTASI SELAT
INGGERIS

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (England), 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak kecewa dengan penangguhan usaha menawan Selat Inggeris oleh perenang negara, Abdul Malik Mydin sejak 23 Julai lepas.

Sebaliknya Perdana Menteri yang merupakan penaung projek Cabaran Selat Inggeris menasihatkan Malik untuk bersabar sementara menunggu masa dan cuaca terbaik untuk berenang merentasi 32.8 kilometer selat yang paling mencabar itu.

Mesej Perdana Menteri itu difakskan ke pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini semalam, dan disampaikan kepada Malik pada kira-kira pukul 2.30 petang (waktu London) oleh pegawai kedutaan.

Melalui surat tiga perenggan itu, Dr Mahathir turut mengingatkan Malik supaya mematuhi keputusan jurulatih berhubung masa terbaik untuk memulakan renangannya.

Dalam suratnya itu Perdana Menteri berkata: "Saya tidak merasa kecewa dengan penundaan tarikh untuk berenang merentasi Selat Inggeris".

"Adalah lebih baik untuk berenang apabila disahkan oleh John bahawa cuaca di Selat Inggeris sesuai untuk memulakan renangan".

"Saya sentiasa berdoa supaya Malik akan berjaya. Insya-Allah".

Ia merupakan mesej kedua Perdana Menteri kepada Malik yang menggambarkan betapa beliau mengambil berat cubaan perenang berusia 28 tahun itu untuk menjadi rakyat Malaysia pertama berenang merentasi selat tersebut.

Pada 22 Julai lepas, Dr Mahathir turut menghantar mesej yang serupa kepada Malik dengan ucapan semoga berjaya dalam cubaannya itu.

Sebelum ini Malik turut menerima ucapan yang serupa daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya sangat terharu dengan sikap ambil berat pemimpin terhadap cabaran ini, dan saya berjanji akan melaksanakan misi ini. Sikap ambil berat mereka menambahkan lagi semangat saya untuk menawan Selat itu," katanya.

Cubaan Abdul Malik untuk berenang dari Dover ke Calais, Peranchis asalnya dijadualkan pada 23 Julai, namun ia telah ditangguhkan beberapa kali ekoran cuaca buruk.

Selat itu telah dibuka untuk cubaan merentasinya antara 17 dan 27 Julai lepas, dan ia akan dibuka lagi antara 4 dan 14 Ogos nanti. Bagaimanapun pihak Swimming And Piloting Federation (CSPF) bagi Selat itu memberi keutamaan khas kepada Malik untuk berenang merentasinya pada bila-bila masa apabila keadaan cuaca mengizinkan.

Sementara itu, sekumpulan 13 wartawan Malaysia dan Ketua Penyelaras Urusetia Cabaran Selat Inggeris, Datuk Talaat Husain menaiki feri komersil semalam untuk mendapatkan gambaran mengenai keadaan Selat itu.

Sepanjang perjalanan selama satu setengah jam itu, para wartawan dapat mengalami sendiri keadaan angin kuat dan ombak besar Selat itu.

"Anda boleh rasakan sekarang ... betapa kuatnya pukulan angin dan jelas kelihatan, ada ombak setinggi dua atau tiga meter. Ini sebabnya mengapa CSPF enggan membenarkan Malik untuk memulakan renangannya," kata Talaat semasa memberi taklimat kepada wartawan.

Talaat turut membawa wartawan ke tempat di mana Abdul Malik dijangka menamatkan cabarannya iaitu di pantai Cap Gris Nez, kira-kira 40 minit perjalanan dari Pelabuhan Calais.

-- BERNAMA
AHA HM AZH